

MAJLIS DINER'S CLUB KURSUS KOMANDER SIRI 14/18

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4043-majlis-diner-s-club-kursus-komander-siri-14-18

TANJUNG BUNGAH , 25 Okt 18 - Kursus Komander Siri 14/18 telah mengadakan Majlis Diner's Club di Hotel Berjaya Pulau Pinang dengan menjemput Mej Jen (B) Dato' Hj Mohamad Ali bin Wayat TUDM. Beliau sebagai pensyarah jemputan hadir ke majlis dengan berkongsi ilmu dan pengalaman yang pernah bekerja dengan Pemerintah - Pemerintah Tertinggi TUDM yang bertajuk 'Leaving A Legacy'. Di samping itu juga beliau turut menekankan tentang Visi dan Misi TUDM.

Turut hadir ke majlis Pemangku Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, BrigJen Dato' Haji Sanusi bin Haji Samion TUDM bersama isteri Datin Hajah Aishah binti Yeop Rahman, Pengarah Kurikulum MPPLU, Kol Thamilanty A/L Periasamy TUDM, Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM bersama isteri, Puan Norhafiza binti Haji Zainol dan Ketua Cawang Tadbir INSKEP, Mej Abd Rahim bin Ahmad TUDM.



